

TARIKH	19 / 9 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	setempat



CATATAN DARI MAKKAH

Badrila Jamlus

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Bunyi hon kenderaan di sini sudah menjadi perkara biasa. Tidak kira ketika berada di persimpangan atau ketika menunggu lampu merah bertukar hijau. Adakalanya ia menyebabkan kita berasa tidak selesa. Ketika perkara ini diajukan kepada pemandu kami yang hanya dikenali sebagai Jaafar, dia hanya tersenyum sambil menjawab 'biasa dah'.

Jaafar yang berketurunan Pattani dan bekerja di Makkaah boleh berbahasa Melayu sedikit dengan pelat dialek Kelantan. Namun, jika diajak berbual panjang atau bertanyakan soalan lebih lanjut,

Bunyi hon perkara biasa

dia mungkin sukar memberi jawapan yang dapat memuaskan hati kami.

Menurutnya, tindakan membunyikan hon bukan disengajakan, tetapi lebih kepada memberi peringatan kepada kenderaan lain supaya berhati-hati ketika menghampiri satu sama lain. Namun, adakalanya ia dibunyikan bagi memberitahu seseorang pemandu itu mahu segera ke destinasi yang dituju.

Apa yang menarik di sini, kebanyakan kenderaan yang digunakan bersaiz besar dengan jenis kenderaan yang sering ditemui ialah buatan

Amerika Syarikat seperti Chevrolet, GMC, Dodge, selain kereta buatan Jepun seperti Toyota, Honda dan Nissan. Malah salah sebuah kenderaan sukan utiliti (SUV) yang digunakan petugas media ialah jenis GMC Yukon berkuasa 5.3 liter V8.

Rupanya harga minyak di sini murah iaitu 45 sen bagi jenis RON91, manakala 60 sen bagi jenis RON95, maklumlah negara ini memiliki sumber minyak yang banyak dan hasilnya kebanyakan kenderaan di sini menggunakan enjin berkuasa tinggi, selain keadaan jalan rayanya besar

dan luas.

Bagaimanapun, kebanyakan kenderaan di sini yang menggunakan pemanduan di sebelah kiri kelihatan kemek di sana sini, mungkin disebabkan sikap pemandunya gemar mengekori kenderaan terlalu rapat sehinggalah rakan penulis dari Pulau Pinang yang melihat senario ini tiba-tiba mengeluarkan kata-kata 'tak sayang kereta depa ni'.

Bagi jemaah Malaysia yang mahu menggunakan teksi pula, ia boleh dilihat menerusi kenderaannya yang berwarna putih dengan logo teksi di pintu. Namun, harus berhati-hati jika dihampiri pemandu teksi haram yang menggunakan kereta biasa.

FAKTA

Bunyi hon bukan disengajakan tetapi lebih kepada memberi peringatan